

ورتا قنرغن

Warta Penerangan



FEBRUARI 2018





Dengan Ingatan Tulus Ikhlas
Daripada
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri.



Terbitan Unit Penerbitan Melayu
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”

Sidang Redaksi

Penasihat

Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras/Penyemak/Reka Letak
Unit Penerbitan Melayu

Sumber Berita & Fotografi
PELITA BRUNEI dan
pegawai dan kakitangan
Jabatan Penerangan



WARTA Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Unit Penerbitan Melayu, Tingkat 2, Bangunan Lama Jabatan Penerangan.

Isi Kandungan

Muka

Poster Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34	5-6
Semarakkan pengibaran bendera	7
Pupuk semangat patriotisme belia	8-9
Bendera kecil meja diagihkan di Daerah Belait	9
Program RRP sebarkan maklumat positif, berkesan	10
Penglibatan Warga Penerangan dalam Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34	11
Mukim Telisai juara Pertandingan Koir Daerah Tutong	12-13
Kumpulan Suara Anak Seni juara Pertandingan Koir	13-14
Kumpulan Wardah 2.0, Mukim Seria juara Pertandingan Koir	14-15
Kumpulan Koir Citra Alunan, Mukim Bangar pertahankan kejuaraan	15-16
Taklimat Kenegaraan suntik semangat patriotik penuntut	16
Semai semangat nasionalisme pelajar	17
Peristiwa penting Jabatan Penerangan	17
Pedoman	17
Program RRP berikan kesedaran sivik	18
Semai perasaan cintakan Raja, semangat patriotisme	18
PMB wujudkan masyarakat bermaklumat, berilmu	19
Majlis Persaraan bagi pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan	20
Tingkatkan kesedaran penuntut mengenai semangat kenegaraan dan perpaduan	20-21
Hormati lagu kebangsaan, bendera negara	22
Tingkatkan kesedaran awam kepentingan bendera negara	23
Semai semangat patriotisme pelajar	23
Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai taklimat/kursus/bengkel pada bulan ini	23

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.



منجايان وawasan نكارا
MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA
23 Februari 2018

سمبوتن اولغ تاهون هاري كبغسان نكارا بروني دارالسلام ك- ٣٤

SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-34



Menjayakan Wawasan Negara

Di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin
8 Jamadilakhir 1439//24 Februari 2018



Diterbitkan oleh
Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.



InfoDeptBN



Layari ePaper
Pelita Brunei



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn



منجايان و اوسن نكارا
MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA
23 Februari 2018

سمبوتن اولغ تاهون هاري كبغسان نكارا بروني دارالسلام ك- ٣٤

SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-34

8 JAMADILAKHIR 1439 / 24 FEBRUARI 2018



**KIBARKANLAH BENDERA KEBANGSAAN
DAN BENDERA PERIBADI**

Bermula

30 Jamadilawal hingga 9 Jamadilakhir 1439H

bersamaan

16 Februari hingga 25 Februari-2018M



Diterbitkan oleh
Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.



InfoDeptBN



Layani ePaper
Pelita Brunei



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

Semarakkan pengibaran bendera

Oleh: Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto: Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUTONG, Khamis, 15 Februari. - Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera Bagi Pelajar-Pelajar Sekolah Rendah, Sekolah Menengah dan Sekolah Arab/Agama berlangsung secara serentak di tiga daerah.

Di Daerah Tutong, majlis berlangsung di Sekolah Menengah Sayyidina Othman (SMSO), Kampung Bukit Beruang.

Berangkat menyempurnakan Majlis Utama Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera ialah Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Keberangkatan Yang Amat Mulia dijunjung oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Norlila bin Dato Paduka Haji Abdul Jalil, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Menaikkan dan Menurunkan Bendera Besar dan Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera.

Juga hadir ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, selaku Penghulu Mukim Telisai, Yang Berhormat Awang



BERANGKAT menyempurnakan Majlis Utama Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera ialah Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.



YANG Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar menyempurnakan pengagihan bendera.



ANTARA pelajar yang hadir ke Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera.

Haji Abdul Wahab bin Apong, selaku Penghulu Mukim Tanjong Maya, Pengetua SMSO, Dr. Vincent Andrew; penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, pegawai-pegawai kanan dari KKBS, pegawai dan kakitangan dari Jabatan Penerangan serta pengetua-pengetua sekolah.

Pada tahun ini, sebanyak 5,000 bendera kecil/meja telah diagih-agihkan di seluruh negara sebagai usaha menyemai kecintaan dan rasa patriotisme dalam jati diri belia dari akar umbi, selain untuk memeriahkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-34, Tahun 2018 agar kita berasa bangga kerana mempunyai negara yang merdeka, aman dan damai di bawah taufik dan inayah Allah dan menjadi negara 'Baldatun Thayyibatun Warabbun Ghafur'.

Pupuk semangat patriotisme belia

Oleh: Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad/Hernie Suliana Haji Othman
Foto: Hernie Suliana Haji Othman/Mohd. Sahrizal Haji Said



SETIAUSAHA Tetap di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Dato Paduka Haji Mohd. Nor bin Haji Jeludin semasa mengagihkan bendera kecil kepada para pelajar.



TETAMU kehormat semasa melawat ke sekolah tersebut.

BBANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 15 Februari. - Sejumlah 5,000 bendera kecil meja telah diagih-agihkan kepada para pelajar sekolah dalam beberapa buah majlis berasingan yang diadakan di tiga buah daerah sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018.

Di Daerah Brunei dan Muara, majlis diadakan di Sekolah Tangga Jaya 'Learning Tree' Jalan Pulaie, yang dihadiri oleh Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Dato Paduka Haji Mohd. Nor bin Haji Jeludin selaku tetamu kehormat.

Majlis dikelolakan bersama oleh Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Penerangan dan Pejabat Daerah Brunei Muara.

Majlis merupakan salah satu acara sampingan yang diungkayahkan sempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34 dengan harapan untuk memupuk kesedaran semangat patriotisme dalam kalangan rakyat dan penduduk di negara ini terutama sekali golongan belia serta sama-sama menghormati bendera negara dan memastikan bendera negara akan dikibarkan pada hari-hari kebesaran negara.



SEMANGAT mengibarkan bendera Brunei Darussalam jelas di wajah para murid.



PERSEMBAHAN koir daripada murid Sekolah Tangga Jaya 'Learning Tree'.

Sementara itu pada hari Khamis, 15 Februari acara yang sama diadakan di Sekolah Rendah Sultan Hassan, Bangar.

Hadir selaku tetamu kehormat, Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, Pegawai Daerah Temburong, Md. Amir Hairil bin Awang Haji Mahmud dan Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah Rendah Sultan Hassan, Awang Safrillah bin Haji Ahmad selaku Pengerusi Bersama Majlis.



TETAMU kehormat, Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin mengagihkan bendera kecil meja kepada seorang pelajar daripada salah sebuah sekolah di Daerah Temburong.



MURID-MURID Sekolah Rendah Sultan Hassan bersemangat mengibarkan bendera negara semasa menyanyikan lagu patriotik bagi memeriahkan majlis.



MAJLIS dimulakan dengan menyanyikan lagu kebangsaan dan menaikkan bendera negara di pekarangan Sekolah Rendah Sultan Hassan, Bangar.

Bendera kecil meja diagihkan di Daerah Belait

Berita dan Foto: Noraisah Haji Muhammed

KUALA BELAIT, Isnin, 19 Februari. - Bendera negara adalah lambang perpaduan, kegigihan, kebersamaan dan kesatuan kita serta melambangkan ketaatsetiaan juga semangat patriotisme kita kepada Raja dan negara yang tercinta.

Sejumlah 400 bendera kecil meja diagih-agihkan kepada pelajar-pelajar Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddin, Kuala Belait dalam Program Semarak Pengibaran Bendera Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018.

Hadir selaku tetamu kehormat dan mengagihkannya ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Awang Abd. Rahman bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

SEBAHAGIAN daripada murid-murid lelaki Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddin, Kuala Belait.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pertahanan, Awang Abd. Rahman bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar mengagihkan bendera kecil meja kepada pelajar sekolah agama.



Program RRP sebarkan maklumat positif, berkesan

Berita dan Foto: Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Selasa, 27 Februari. - Untuk mendekati para remaja di sekolah-sekolah supaya mereka peka dengan perkembangan semasa, menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong telah mengadakan Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) bagi Ma'had Islam Brunei bertempat di Dewan Besar sekolah tersebut.

RRP merupakan program persembahan khusus bagi golongan remaja, terutama bagi pelajar-pelajar sekolah peringkat menengah dalam menyebarkan maklumat semasa yang positif dan berkesan kepada rakan sebaya melalui seni hiburan yang terarah dan terpinin.

Antara pengisian program tersebut termasuk tayangan klip-klip video 'Kibarkanlah Bendera Negara Dengan Megah'; 'Semarak Pengibaran Bendera Negara' dan video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara' serta penyampaian Taklimat Kenegaraan bertajuk 'Raja Kita'; 'Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Majlis dimulakan dengan nyanyian koir Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan Lagu Patriotik 'Bendera Negara' oleh penuntut-penuntut sekolah, dan bacaan Surah Al-Fatihah serta doa selamat oleh Ustaz Haji Muliadey bin Haji Mohammad.

Program tersebut juga diserikan dengan persembahan Deklamasi Sajak bertajuk 'Perjuangan Kemerdekaan', 'Kemerdekaan' dan 'Sesudah Kemerdekaan', masing-masing disampaikan oleh Hasan bin Sahirol, Md. Arif Danial bin Agus Zamri dan Haadii Syaamil bin Haidi, dan diteruskan dengan persembahan koir medley lagu-lagu patriotik.



TETAMU Kehormat, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyampaikan hadiah kepada salah seorang peserta Kuiz Kenegaraan yang berjaya menjawab soalan dengan betul.

Seramai 206 orang penuntut dari Tahun 7, 9 dan 10 hadir telah dihiburkan dengan persembahan pelakon tempatan dan pelakon dari Jabatan Penerangan yang juga mengendalikan Kuiz Kenegaraan yang disertai oleh seramai 15 orang penuntut.

Penyampaian hadiah bagi pemenang kuiz tersebut disempurnakan oleh tetamu kehormat dan majlis diakhiri dengan penyampaian cenderahati daripada pihak sekolah dan sesi bergambar ramai.



PENGENDALIAN Kuiz Kenegaraan dijalankan oleh pelakon tempatan dan pelakon Jabatan Penerangan.

Penglibatan Warga Penerangan dalam Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34

Oleh: Unit Penerbitan Melayu
Foto: Jabatan Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Februari. - Acara kemuncak Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34 yang berlangsung di ibu negara diwarnai dengan persembahan yang sangat menarik bertemakan 'Menjayakan Wawasan Negara' oleh seramai lebih tujuh ribu peserta mewakili pelbagai sektor dan agensi pembangunan negara termasuk belia dari sekolah-sekolah menengah, maktab-maktab dan institusi pengajian tinggi.

Bagi sama-sama memeriahkan sambutan tersebut, pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan juga terlibat dalam upacara perbarisan lalu dan persembahan padang yang diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien itu.

Persembahan gilang-gemilang yang diadakan setahun sekali itu memperlihatkan segenap lapisan masyarakat untuk sama-sama menghayati peranan mereka dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.



KEGEMBIRAAN jelas terserlah di raut wajah warga Penerangan dalam penglibatan mereka semasa Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34.

Mukim Telisai juara Pertandingan Koir Daerah Tutong

Oleh: Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas

TUTONG, Selasa, 6 Februari. - Jabatan Penerangan terus merangka berbagai strategi untuk sama-sama membarigakan hari-hari kebesaran negara, di samping menanamkan semangat patriotik bagi semua peringkat masyarakat.

Sehubungan itu, Jabatan Penerangan menganjurkan Pertandingan Koir Lagu-lagu Patriotik Antara Mukim-mukim Bagi Daerah Tutong Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, 2018 yang berlangsung di Dewan Seri Kenangan, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim yang juga menyampaikan hadiah kepada peserta pertandingan.

Juga hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong selaku Penghulu Mukim Tanjong Maya dan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit selaku Penghulu Mukim Telisai, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad, pegawai-pegawai kanan kerajaan; penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung Daerah Tutong.



HADIR selaku tetamu kehormat, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim.



KETUA Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar menyampaikan ucapan alu-aluannya selaku Pengerusi Bersama Majlis Pertandingan Koir.



TETAMU kehormat menyampaikan hadiah kepada johan Pertandingan Koir, Kumpulan Koir Mukim Telisai.

Pertandingan tersebut antara lain bertujuan untuk memupuk semangat patriotisme di kalangan penduduk mukim dan kampung.

Pada pertandingan itu, Kumpulan Koir Mukim Telisai dengan lagu 'Merdeka Brunei Darussalam' muncul juara dan berjaya membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah BND1,500.00 dan sijil penyertaan.

Naib johan disandang oleh Kumpulan Gong 3 ML, Mukim Lamunin dengan lagu 'Tekad Kemerdekaan' yang membawa wang tunai BND1,300.00 dan sijil penyertaan, sementara pemenang ketiga disandang oleh Kumpulan Indah Cahaya Mukim Ukong yang juga membawakan lagu 'Tekad Kemerdekaan' dengan membawa pulang wang tunai BND1,000.00 dan sijil penyertaan.

Manakala Kumpulan Maya Jauqah, Mukim Tanjong Maya, menerima hadiah sagu hati BND500.00 berserta sijil penyertaan.

Kumpulan Suara Anak Seni juara Pertandingan Koir

Berita dan Foto: Saerah Haji Abdul Ghani



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman hadir selaku tetamu kehormat majlis.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 Februari. - Kumpulan Suara Anak Seni dari Mukim Gadong 'A' menjuarai Pertandingan Koir Lagu-lagu Patriotik Antara Mukim-Mukim Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018.

Juara dengan membawakan lagu 'Brunei Bumi Bertuah' membawa pulang wang tunai BND1,500.00 dan sijil penyertaan, manakala tempat kedua disandang oleh Kumpulan Permata Permai dari Mukim Lumapas dengan lagu 'Bahagia Brunei Darussalam' membawa pulang hadiah wang tunai BND1,300.00 dan sijil penyertaan.

Sementara tempat ketiga Kumpulan Harmoni Perkasa dari Mukim Berakas 'B' dengan lagu 'Tanah Airku' membawa pulang hadiah wang tunai BND1,000.00 dan sijil penyertaan sementara tiga kumpulan koir yang lain menerima hadiah sagu hati BND500.00 serta sijil penyertaan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah pada majlis yang berlangsung di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman.

14 Warta Penerangan

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon selaku Penghulu Mukim Berakas 'B' Zon I Daerah Brunei Muara dan Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Selain itu kumpulan-kumpulan koir ini nanti juga boleh membuat persembahan dalam mana-mana acara kenegaraan, sama ada yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan mahupun Majlis Perundingan Mukim, Majlis Perundingan Kampung dan jabatan/kementerian kerajaan dan lain-lain.

PEGAWAI Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya semasa menyampaikan ucapan alu-aluan.



TETAMU kehormat menyampaikan hadiah kepada juara pertandingan, Kumpulan Suara Anak Seni dari Mukim Gadong 'A'.

Kumpulan Wardah 2.0, Mukim Seria juara Pertandingan Koir

Oleh: Noraisah Haji Muhammed
Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas

LUMUT, Khamis, 8 Februari. - Kumpulan Koir Wardah 2.0 dari Mukim Seria muncul juara dalam Pertandingan Koir Lagu-lagu Patriotik Antara Mukim-mukim Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018 yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan dan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah BND1,500.00 dan sijil penyertaan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Pertandingan diadakan di Dewan Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatull Bolkia.

Juga hadir ialah Penolong Pegawai Penerangan yang juga Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin selaku Pengerusi Majlis.

Pada pertandingan yang disertai oleh enam kumpulan koir tersebut, Kumpulan Koir Ittihadiyah dari Mukim Seria muncul naib johan dan menerima wang tunai BND1,300.00, tempat ketiga ialah Kumpulan Koir Belia-Belia Wanis Panaga juga dari Mukim Seria menerima wang tunai BND1,000.00, manakala penerima-penerima sugu hati menerima wang tunai BND500.00 berserta sijil penyertaan.



HADIR selaku tetamu kehormat majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.



JUARA Pertandingan Koir Lagu-lagu Patriotik Antara Mukim-mukim Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34 Tahun dimenangi oleh Kumpulan Wardah 2.0 dari Mukim Seria.

Kumpulan Koir Citra Alunan, Mukim Bangar pertahankan kejuaraan

Oleh: Marlinawaty Hussin
Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas

PEKAN BANGAR, Sabtu, 10 Februari. - Kumpulan Koir Citra Alunan dari Mukim Bangar mempertahankan kejuaraan yang diraih selama tiga tahun berturut-turut selepas diumumkan sebagai johan Pertandingan Koir Lagu-lagu Patriotik Antara Mukim-mukim Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018 bagi Daerah Temburong.

Kumpulan yang membawa lagu 'Sumpah dan Janji' itu membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah BND1,500.00 dan sijil penyertaan.

Naib johan dirangkul oleh Kumpulan Nur Hidayah dari Mukim Amo dengan lagu 'Tanah Airku' menerima hadiah wang tunai bernilai BND1,300.00, manakala Kumpulan Seri Labu dari Mukim Labu menyandang tempat ketiga dengan lagu 'Tekad Kemerdekaan' menerima wang tunai BND1,000.00.

Penyampaian hadiah disempurnakan oleh tetamu kehormat, iaitu Ahli Majlis Mesyuarat Negara,

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Dua pasukan koir lain, iaitu Kumpulan Puteri-Puteri dari Mukim Batu Apoi dan Kumpulan RPN Kampung Rataie dari Mukim Bokok masing-masing menerima hadiah sagu hati wang tunai BND500 berserta sijil penyertaan.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad hadir selaku tetamu kehormat majlis.



PEGAWAI Luar Penerangan, Awang Ah Chua bin Bangau selaku Pengerusi Majlis ketika memberikan ucapan alu-aluannya.



JOHAN Pertandingan Koir Lagu-Lagu Patriotik Antara Mukim-mukim Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018 bagi Daerah Temburong disandang oleh Kumpulan Koir Citra Alunan dari Mukim Bangar.

Taklimat Kenegaraan suntik semangat patriotik penuntut

Berita dan Foto: Marlinawaty Hussin

PENGGALAN BATU, Selasa, 27 Februari. - Lebih 140 penuntut Tahun 7 Sekolah Menengah Masin menghadiri Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan' yang berlangsung di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan.

Taklimat yang dikendalikan oleh Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan itu juga dihadiri oleh Pengetua Sekolah Menengah Masin, Ivan Moore dan tenaga-tenaga pengajar sekolah berkenaan.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Penerangan yang juga Ketua Unit Kenegaraan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya.

Beliau dalam taklimatnya antara lain menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.



PEGAWAI Penerangan yang juga Ketua Unit Kenegaraan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya menyampaikan cenderahati kepada pihak sekolah.

Semai semangat nasionalisme pelajar

Berita dan Foto: Noraisah Haji Muhammed

KUALA BELAIT, Selasa, 27 Februari. - Program Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai rasa cinta terhadap Raja, agama, bangsa dan negara di samping mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam kalangan penuntut melalui lagu kebangsaan dan bendera negara.

Sehubungan itu, 54 penuntut Tahun 7 Sekolah St. James, Kuala Belait berpeluang mendengarkan Taklimat Mengenai Raja Kita, Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Belait telah mengadakan taklimat berkenaan yang berlangsung di Bilik Residen sekolah berkenaan.

Taklimat disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan yang juga Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin.

Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar antara lain menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Turut hadir semasa program tersebut ialah Pengetua Sekolah berkenaan, Awang Haji Mohd. Masa bin Saidun dan tenaga pengajar sekolah.



TAKLIMAT disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan yang juga Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin.

Peristiwa penting Jabatan Penerangan

HUBUNGAN DI BIDANG PENERANGAN TERUS DIPERKUKUH

Oleh Siti Muslihat HS

BANDAR SERI BEGAWAN, 22 Februari. - Rancangan pertukaran lawatan di bidang penerangan antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Indonesia terus mengukuhkan hubungan kerjasama kedua negara khususnya dalam bidang pertukaran maklumat.

Rancangan pertukaran lawatan antara kedua negara yang mula diperkenalkan pada tahun 1989 diteruskan lagi tahun ini dengan adanya kunjungan seramai lima orang pegawai dari Jabatan Penerangan Republik Indonesia ke negara ini.

Delegasi tersebut yang diketuai oleh Ketua Pejabat di Wilayah Deppert, Wilayah Daerah Istimewa Aceh, Drs. Damanhuri Abbas, mengadakan kunjungan hormat kepada Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah yang berlangsung di Bangunan Sekretariat di sini.

Dato Paduka seterusnya berharap agar para ahli rombongan akan dapat menimba pengalaman dan mengikuti secara dekat keadaan pembangunan termasuk sosiobudaya dan amalan kehidupan di Negara Brunei Darussalam yang berpandukan kepada konsep 'Melayu Islam Beraja'.

Majlis diakhiri dengan pertukaran cenderamata. Rombongan tiba kelmarin dan akan berlepas pulang pada 28 Februari ini.

Semasa berada di negara ini mereka mengadakan kunjungan dan lawatan ke beberapa buah jabatan kerajaan di samping mengikuti program 'keluarga angkat' di Kampong Kasat, Mukim Lumapas.

Dalam mengalu-alukan para pengunjung dari negara sahabat ini, Dato Paduka Awang Haji Hazair antaranya turut menyentuh hasrat rancangan ini dilaksanakan iaitu untuk mengeratkan silaturahim di bidang penerangan antara kedua buah negara.

Dalam merealisasikan matlamat awal program ini iaitu

untuk lebih rapatkan hubungan kedua pihak, Dato Paduka melahirkan harapan agar mereka yang terlibat menggunakan peluang sebaiknya untuk bertukar-tukar pengalaman khususnya di bidang penerangan itu sendiri.

Dalam mengalu-alukan para pengunjung dari negara sahabat ini, Dato Paduka Awang Haji Hazair antaranya turut menyentuh hasrat rancangan ini dilaksanakan iaitu untuk mengeratkan silaturahim di bidang penerangan antara kedua buah negara.

Dalam merealisasikan matlamat awal program ini iaitu

SETIAUSAHA Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Hazair (tiga dari kanan) ketika menerima kunjungan para delegasi pegawai dari Jabatan Penerangan Republik Indonesia, di Bangunan Sekretariat di ibu negara. Juga kelihatan Pengarah dan Timbalan Pengarah Penerangan. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Pedoman

“Dan Allah akan menambah hidayah kepada orang-orang yang mendapat petunjuk dan amalan-amalan soleh yang kekal itu lebih baik pahalanya di sisi Tuhanmu dan lebih baik kesudahannya.”

- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Maryam, ayat 76).

Program RRP berikan kesedaran sivik

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan
Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas

SERASA, Rabu, 28 Februari. - Jabatan Penerangan, melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan lagi program yang disasarkan kepada penuntut sekolah, iaitu Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) bertempat di Dewan Serbaguna Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajjah Mariam.

Antara objektif program ialah untuk mendekati para remaja di sekolah-sekolah supaya mereka peka dengan perkembangan semasa serta menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan remaja serta menjadikan pelajar sebagai ejen dalam penyebaran maklumat yang positif dan berkesan kepada rakan sebaya.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Azis bin Haji Nayan.

Turut hadir ialah guru-guru dan kakitangan serta penuntut-penuntut sekolah berkenaan.

Taklimat Kenegaraan bertajuk Raja Kita, 'Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Awang Muhammad Nurakram bin Noraini/Bahrin.



HADIR selaku tetamu kehormat ialah, Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Azis bin Haji Nayan.

Semai perasaan cintakan Raja, semangat patriotisme

Berita dan Foto: Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

TUTONG, Rabu, 28 Februari. - Seramai 139 penuntut Tahun 7 dari Sekolah Menengah Tanjong Maya (SMTM) menghadiri Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' yang berlangsung di dewan sekolah berkenaan.

Hadir dalam majlis tersebut ialah Timbalan Pengetua Pentadbiran, SMTM, Awang Mohd. Noh bin Haji Nain dan Timbalan Pengetua Akademik, SMTM, Dayang Rosnah binti Haji Salleh.

Majlis yang dikelolakan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong tersebut dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan lagu patriotik beramai-ramai, diikuti dengan taklimat yang disampaikan oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar.



PENUNTUT Sekolah Menengah Tanjong Maya semangat semasa mengibarkan bendera kecil.



PMB wujudkan masyarakat bermaklumat, berilmu

Oleh: Marlinawaty Hussin
Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas



AHLI Majlis Mesyuarat Negara yang juga Penghulu Mukim Kota Batu, Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis semasa hadir dalam Program Masyarakat Bermaklumat.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Februari. Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) merupakan salah satu landasan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan agar semua anggota masyarakat memahami, menyokong dan menghayatinya secara berkesan melalui penyampaian taklimat, sesi dialog serta lawatan.

Sehubungan itu, PMB bagi Mukim Kota Batu yang berlangsung di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan.

Hadir selaku tetamu kehormat dalam program tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang juga Penghulu Mukim Kota Batu, Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Turut hadir, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad, ketua-ketua kampung, pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan serta para peserta program yang terdiri daripada Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta penduduk kampung di bawah Mukim Kota Batu.

Para peserta seterusnya mendengarkan taklimat bertajuk Wawasan Brunei 2035, peranan DARE dalam pembangunan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), taklimat mengenai Keusahawanan Dalam Industri Agrimakanan, taklimat bertajuk Konsep Makanan Halal Dalam Islam dan taklimat seterusnya mengenai Lesen Pekerja Asing dan Perintah Pekerjaan 2009.



KETUA Unit Hubungan Masyarakat, Awang Muhammad Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir semasa menyampaikan ucapan alu-aluan dalam Program Masyarakat Bermaklumat bagi Mukim Kota Batu.



PARA penduduk kampung yang mengikuti program tersebut.



SESI bergambar ramai.

Majlis Persaraan bagi pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan

Oleh: Unit Penerbitan Melayu
Foto: Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik

MAJLIS Persaraan bagi Pegawai Penerangan, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim telah diadakan pada hari Selasa, 6 Februari di bilik Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik. Manakala majlis bagi Dayang Hajah Norainah binti Ibrahim diadakan pada hari Khamis, 8 Februari di Dewan Setia Negara, Jabatan Penerangan.

Jasa mereka akan sentiasa dikenang dan didoakan sentiasa sihat walafiat dan mendapat rahmat serta lindungan dari Allah Subhanahu Wata'ala.



AWANG Haji Dayang bin Haji Kasim dan Dayang Hajah Norainah binti Ibrahim bersama Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Tingkatkan kesedaran penuntut mengenai semangat kenegaraan dan perpaduan

Oleh: Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi/Nooratini Haji Abas
Foto: Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman/Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERIBEGAWAN, Khamis, 8 Februari. Jerayawara Kenali ASEAN anjuran Jabatan Penerangan melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa bertujuan untuk membarigakan serta memberi pendedahan dalam meningkatkan kesedaran para penuntut dalam menanai semangat perpaduan iaitu satu masyarakat ASEAN selaras dengan motonya 'Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti'.

Jerayawara berbentuk taklimat dan kuiz tersebut diadakan di Dewan Serbaguna, Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar (SMSAB) yang dihadiri lebih 600 penuntut dari Tahun 7, 8 dan 9 termasuk tenaga pengajar sekolah berkenaan.

Taklimat dan Kuiz ASEAN disampaikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Awang Isa bin Haji Abdul Rahman.

Sementara Taklimat Kenegaraan pula ialah bagi menyemai semangat patriotisme, menghormati serta menjiwai lagu kebangsaan dan bendera negara.

Di perpustakaan sekolah berkenaan, para pelajar Tahun 7 juga didedahkan mengenai Taklimat Kenegaraan yang dikendalikan oleh Bahagian Kenegaraan. Hampir 200 pelajar menghadiri taklimat yang menyentuh mengenai Raja kita dan Bendera Negara Brunei Darussalam.

Penolong Pegawai Penerangan, Awang Mohd. Nurakram bin Noraini@Bahrin menyampaikan Taklimat Kenegaraan.



TAKLIMAT dan Kuiz ASEAN disampaikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Awang Isa bin Haji Abdul Rahman.



PENOLONG Pegawai Penerangan, Awang Mohd. Nurakram bin Noraini@Bahrin ketika menyampaikan Taklimat Kenegaraan.



BERGAMBAR ramai semasa Jerayawara Kenali ASEAN dan Taklimat Kenegaraan di Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar.



PARA penuntut Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar mendengarkan Jerayawara Kenali ASEAN dan Taklimat Kenegaraan.

Sementara itu pada hari Selasa, 13 Februari jerayawara yang sama diadakan di Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SM SMJA).

Hadir selaku tetamu kehormat dalam majlis tersebut ialah Pengetua SM SMJA, Awang Haji Juma'ata Sonadey bin Haji Mornie.

Seramai 168 penuntut dari Tahun 8 mengikuti jerayawara berkenaan yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Mufidah binti Haji Abdul Hakim.

Jerayawara tersebut kemudiannya diteruskan dengan Kuiz ASEAN dikendalikan oleh Penolong Pegawai Perhubungan Awam, Dayanku Siti UmmiKalthum binti Pengiran Haji Muhammad dan diakhiri dengan tayangan video animasi mengenai ASEAN serta penyampaian hadiah kepada para pemenang Kuiz ASEAN.



PEGAWAI Penerangan, Dayang Mufidah binti Haji Abdul Hakim semasa menyampaikan taklimat dalam Jerayawa Kenali ASEAN.



PARA penuntut Tahun 8 Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam menghadiri Jerayawara Kenali ASEAN anjuran Jabatan Penerangan.



SALAH seorang penuntut menjawab soalan kuiz.

Hormati lagu kebangsaan, bendera negara

Oleh: Nooratini Haji Abas /Hernie Suliana Haji Othman
Foto: Hernie Suliana Haji Othman/Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 13 Februari. Dalam usaha menyemai semangat patriotisme para penuntut untuk menghormati serta menjiwai lagu kebangsaan dan bendera negara, Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan mengadakan Taklimat Kenegaraan bertempat di Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SM SMJA).

Pengetua SM SMJA, Awang Haji Juma'ata Sonadey bin Haji Mornie serta 182 penuntut dari Tahun 7 sekolah berkenaan serta tenaga-tenaga pengajar sekolah menghadiri taklimat tersebut.

Taklimat mengenai 'Raja Kita, Bendera Negara Brunei Darussalam, Tatacara Menaikkan Bendera serta Menghayati Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya.

Taklimat diserikan dengan tayangan video animasi Tatacara Mengibarkan Bendera, diikuti dengan Kuiz Kenegaraan.



PEGAWAI Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya semasa menyampaikan taklimat mengenai 'Raja Kita, Bendera Negara Brunei Darussalam, Tatacara Menaikkan Bendera serta Menghayati Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'.



ANTARA penuntut dari Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam yang menghadiri Taklimat Kenegaraan.

Sementara itu pada hari Rabu, 14 Februari taklimat yang sama diadakan di Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SUAMPRI PAD).

Hadir menyertai taklimat tersebut, Guru Kanan Pentadbiran I SUAMPRI PAD, Dayangku Noorazidawati binti Pengiran Haji Badaruddin.

Seramai 327 penuntut dari Tahun 7 mengikuti taklimat berkenaan yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya.



PEGAWAI Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya menyampaikan hadiah kepada penuntut yang berjaya menjawab kuiz.

Tingkatkan kesedaran awam kepentingan bendera negara

Oleh: Marlinawaty Hussin
Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Februari. Bagi memastikan penggunaan 'banner', bendera negara dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional dilaksanakan mengikut garis panduan dan tatacara yang betul, jerayawara mengenainya telah diadakan di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan.

Jerayawara tersebut dihadiri seramai kira-kira 40 peserta terdiri daripada pengurus dan penyelia dari syarikat-syarikat percetakan, pembinaan, bank dan gedung-gedung perniagaan.

Hadir dalam jerayawara tersebut ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar dan pegawai-pegawai dari Jabatan Adat Istiadat Negara, Jabatan Peguam Negara, Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri

Pembinaan (ABCi), Kementerian Pembangunan dan Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan.

Taklimat tersebut disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya.



PARA jemputan dari syarikat-syarikat tempatan dijemput hadir bagi mendengarkan jerayawara tersebut.

Semai semangat patriotisme pelajar

Berita dan Foto: Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan

JABATAN Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kemasyarakatan dan Kenegaraan telah diundang oleh Jabatan Pengajian Melayu, Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Gadong untuk mengendalikan beberapa sesi taklimat mengenai Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam selama lima hari bermula 3 hingga 8 Februari 2018 khusus bagi seramai 309 orang penuntut Enam Atas di maktab tersebut yang diadakan di Dewan Kuliah (LT12).

Taklimat dihadiri oleh Pengetua maktab tersebut, Dayang Hajah Monaliza binti Haji Abdul Halim. Turut hadir ialah guru-guru kanan dan guru-guru dari maktab berkenaan.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Hamsah Binti Datu Kerna Haji Jaya, dan Penolong Pegawai Penerangan, Awang Mohd. Nurakram bin Noraini/Bahrin.



SESI bergambar ramai.

Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai taklimat/kursus/bengkel pada bulan ini

NAMA	JAWATAN	NAMA KURSUS/BENGGKEL / SEMINAR/TAKLIMAT	TARIKH	TEMPAT
Saadiatul Nur Aqilah binti Haji Jaman	Pegawai Penerangan	Program Pemilihan Pegawai bagi Memasuki Leadership Pool ES2.1 bagi Civil Service Leadership Program (CSLP)	8 Februari 2018	Dewan Penghayatan, IPA
Hajah Sabariah binti Haji Drahman	Pekerja Tingkat V, Pembersih (Open Vote)	MS 3210 - Kursus Induksi Perkhidmatan Awam	5 - 13 Februari 2018 (7 Hari)	Dewan Penghayatan, Aras 2, IPA

Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:

<http://www.penerangan.gov.bn>

<http://www.information.gov.bn>

<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

<http://infofoto.gov.bn>

Media Sosial Penerangan:



APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN



Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



infodept.bn



infodept_bn

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.
Tel : 2383400 Faks : 2382242**